



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 02 Tahun 2021

**PEMANTAPAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN ELAUN
PENANGGUNGAN KERJA (EPK) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(UiTM)**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai pemantapan Garis Panduan Permohonan Elaun Penanggungungan Kerja (EPK) bagi staf UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Pemantapan Garis Panduan Permohonan Elaun Penanggungungan Kerja (EPK) bagi staf UiTM ini adalah dikemaskini dengan terma dan peraturan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 dan Pekeliling Pendaftar Bilangan 35 Tahun 2013 berkaitan Garis Panduan Permohonan Elaun Penanggungungan Kerja (EPK) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengambilkira perkara berikut;

- a. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 berkaitan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia (PP 1/2016).
- b. Surat Edaran dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai Penurunan Kuasa Meluluskan Pengecualian Peraturan Penanggungungan Kerja Perkhidmatan Awam bertarikh 17 Disember 2015.
- c. Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan Penurunan Kuasa Melulus Pengecualian Peraturan Penanggungungan Kerja Perkhidmatan Awam bertarikh 7 Mac 2019.

3. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (Khas) pada 7 Disember 2020 telah meluluskan cadangan pemantapan Garis Panduan Permohonan Elaun Penanggungungan Kerja (EPK) Di Universiti Teknologi MARA dan tarikh kuatkuasa adalah 7 Disember 2020.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN ELAUN PENANGGUNGAN KERJA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

4. Penyediaan garis panduan ini adalah bertujuan sebagai dokumen rujukan dan panduan kepada pihak Kampus/Fakulti/Jabatan/Bahagian/Unit berkaitan Elaun Penanggungungan Kerja (EPK) di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

5. Garis Panduan adalah seperti di Lampiran A.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 7 Januari 2021

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 7 Disember 2020



ALFINA BAKAR K.M.N
Pemangku Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan-Dekan Fakulti

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 2/2021)